

TAKHTA SUCI: Di tengah dunia yang masih dibelenggu peperangan, ketamakan dan pembaziran, Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa Kristus mampu memuaskan kelaparan terdalam umat manusia — bukan sekadar kelaparan akan makanan, tetapi juga akan kebenaran, kehidupan dan kasih.

Ketika menyampaikan amanat Angelus pada hari Minggu, Bapa Suci merenungkan kisah penggandaan lima ketul roti dan dua ekor ikan dalam Injil menurut Santo Matius (Mat 14:13–21). Yesus yang tergerak oleh belas kasihan telah memberi makan kepada lebih daripada 5,000 orang sehingga semuanya kenyang.

Sri Paus menjelaskan bahawa pelbagai tanda yang dilakukan oleh Yesus memperlihatkan kasih-Nya yang istimewa kepada manusia serta keselamatan yang dibawa-Nya kepada dunia. Dengan memulihkan penglihatan orang buta dan pendengaran orang tuli, Kristus bukan sekadar melakukan mukjizat, tetapi mewariskan kepada semua orang bahawa Kerajaan Tuhan sudah dekat.

Kepada orang tuli yang dapat mendengar semula, Tuhanewartakan Khabar Baik kepadanya. Kepada orang buta yang memperoleh kembali penglihatannya, Dia memperlihatkan karya agung penubusan yang dilaksanakan demi dirinya. Demikian juga, Yesus memberi makan kepada mereka yang lapar dan memenuhi kehidupan manusia dengan segala yang baik.

Pertemuan dengan Tuhan mengenyangkan jiwa

Menurut Bapa Suci, kisah penggandaan roti bukan sahaja menunjukkan bahawa Yesus memenuhi keperluan jasmani orang ramai, tetapi turut menyingkapkan bahawa pertemuan dengan Tuhan sendiri merupakan pengalaman yang mengenyangkan jiwa.

“Di padang gurun, iaitu ketika kita berada dalam kekurangan, Kristus hadir sebagai roti kehidupan,” katanya.

Bersama Kristus, segala keperluan manusia dicukupkan dengan berlimpah-limpah. Semua orang makan hingga kenyang, malah masih berbaki sebanyak 12 bakul penuh. Menurut Sri Paus, angka itu menunjukkan bahawa kurnia Tuhan ditujukan kepada semua orang dan pemeliharaan-Nya bagi manusia tidak pernah berkesudahan.

“Kristus benar-benar memuaskan kelaparan umat manusia, iaitu kelaparan kita akan kebenaran dan kehidupan,” tegas beliau.

Perbuatan Yesus turut mengajar bahawa tiada sesuatu pun akan terbuang apabila dikongsi. Sebaliknya, sikap menimbun dan membazir merupakan dua sisi kejahatan yang sama, iaitu ketamakan.



Mukjizat roti mengajar dunia

erti kasih dan perkongsian

Ketamakan menumpulkan kepekaan manusia

Sri Paus menyifatkan ketamakan sebagai penyakit rohani yang menumpulkan kepekaan manusia. Mereka yang mabuk kekayaan akhirnya melupakan orang yang menangis kerana kelaparan dan berseru kerana kehausan.

“Di tengah-tengah kemewahan yang berbau kebusukan, kita melihat tangan orang yang tidak mempunyai makanan terhulur meminta pertolongan, sementara rumah mereka yang tidak pernah mengenal keamanan musnah dibakar,” katanya.

Berhadapan dengan “padang gurun peperangan dan keangkuhan”, beliau mengajak umat merenungkan kelembutan Yesus ketika menengadahkan ke langit, mengucapkan berkat, memecah-mecahkan roti dan memberikannya kepada para murid untuk dibagikan kepada orang ramai.

Menurut Bapa Suci, mukjizat kasih itu memperlihatkan tindakan Yesus yang mencapai kemuncaknya dalam Perjamuan Terakhir. Pada ketika itulah Putera Tuhan menyerahkan

kehidupan-Nya sendiri kepada manusia sebagai saudara yang mengambil bahagian dalam manusiawi kita.

Prelatus itu mengajak umat yang menerima rahmat Ekaristi agar memberikan kesaksian tentang keindahan Ekaristi melalui tindakan harian.

Kesaksian itu boleh bermula dengan mengucap syukur atas makanan yang dinikmati bersama keluarga dan sahabat serta berkongsi rezeki dengan mereka yang berkekurangan.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa masa percutian, apabila dilalui bersama Yesus, boleh menjadi kesempatan untuk menikmati kedamaian dalam semangat persaudaraan. Kedamaian itu dapat dilakukan dengan mendekati dan menghulurkan bantuan kepada jiran serta mereka yang memerlukan.

Doa bagi Ceuta dan keamanan dunia

Selepas amanat Angelus, Bapa Suci menyuarakan kebimbangannya terhadap keadaan genting di Ceuta.

Bapa Suci berdoa agar melalui perantaraan

Bonda Maria dari Afrika, jalan penyelesaian dapat dicapai demi keamanan, kestabilan dan keadilan.

Sri Paus kemudian mengajak umat terus berdoa agar semua peperangan di seluruh dunia dihentikan dan jalan penyelesaian secara diplomatik dapat dicapai.

Sri Paus secara khusus mengingatkan umat supaya tidak melupakan semua mangsa permusuhan, terutama golongan yang paling lemah dan tidak berdaya, iaitu kanak-kanak, warga emas dan orang sakit.

Mereka sering menerima kesan paling buruk daripada konflik, meskipun tidak mempunyai kuasa untuk menentukan atau menghentikannya. Bapa Suci turut mendoakan agar Tuhan menghiburkan semua yang menderita serta memberkati usaha semua pihak yang membawa bantuan, perlindungan dan penghiburan kepada para mangsa.

Mengakhiri amanatnya, Sri Paus memohon bantuan Perawan Maria, Bonda yang penuh kasih, agar umat terus berkembang dalam kasih. **Media Vatikan**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk mempercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Menghargai perkara-perkara biasa

Ada sesuatu dalam diri kita yang tidak mudah berpuas hati dengan kehidupan sehari-hari. Ada kalanya, rutin yang mudah dijangka, rentak kehidupan berumah tangga dan kesetiaan menunaikan tanggungjawab terasa membebankan. Semuanya seolah-olah mengekang kita daripada menikmati sisi kehidupan yang dianggap lebih mengasyikkan—keghairahan, percintaan, kreativiti, tarian dan perayaan.

Kita sering memandang rendah kehidupan yang biasa. Saya teringat seorang pelajar wanita yang pernah berkata di kelas bahawa ketakutan terbesarnya ialah terperangkap dalam kehidupan yang serba biasa — “akhirnya berpuas hati menjadi suri rumah dan ibu, sambil gembira beraksi dalam iklan sabun pencuci!”

Jika anda seorang seniman atau berjiwa seni, anda mungkin lebih mudah mengalami perasaan seperti ini. Itulah salah satu kecenderungan yang sering dikaitkan dengan jiwa seni. Doris Lessing, misalnya, pernah mengatakan bahawa George Eliot mungkin menjadi penulis yang lebih baik “sekiranya dia tidak terlalu bermoral”.

Lessing seolah-olah menyiratkan bahawa George Eliot terlalu terikat pada kehidupan biasa—terlalu berhati-hati, terlalu selamat dan terlalu jauh daripada batas-batas yang mencabar.

Dalam karya autobiografinya, *The Virgin of Bennington*, Kathleen Norris menceritakan bagaimana, ketika masih menjadi penulis muda, dia turut terpengaruh oleh pandangan seperti itu: “Pada pandangan saya, para seniman terlalu serius untuk menjalani kehidupan yang waras dan normal. Didorong oleh desakan yang tidak dapat dibendung dalam dunia yang tidak mempedulikan mereka, para seniman ditakdirkan untuk bergelut dengan kemuraman dan malapetaka — suatu perjuangan yang tidak dapat dielakkan, kadangkala membawa maut, tetapi sentiasa dianggap me-

muliakan jiwa.”

Perjuangan melawan kemuraman dan malapetaka yang kononnya memuliakan jiwa! Ungkapan itu memang kedengaran memikat, terutama bagi kita yang menganggap diri berjiwa seni, intelektual atau rohani. Itulah sebabnya, ada kalanya kita memandang orang yang menikmati kebahagiaan sederhana dengan rasa kasihan yang disertai sedikit sikap merendahkan.

Kita mungkin berkata dalam hati, “Mudah bagi mereka, tetapi mereka tidak benar-benar menikmati kehidupan!” Itulah suara seniman dalam diri kita. Bukankah jarang sekali kita melihat seorang seniman beraksi dalam iklan sabun pencuci?

Namun, jangan salah faham. Pandangan ini tidak sepenuhnya keliru. Yesus sendiri berkata, “Manusia hidup bukan dengan roti sahaja, tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Tuhan.”

Dalam konteks Injil, kata-kata ini pertamanya menegaskan bahawa manusia bergantung pada Tuhan dan firman-Nya, bukan pada keperluan jasmani semata-mata. Para seniman juga memahami bahawa manusia memerlukan sesuatu yang melampaui keperluan kebendaan.

Rutin yang selesai, tanggungjawab yang membosankan dan pinjaman rumah yang sudah selesai dibayar belum tentu menjadikan kehidupan kita bagaikan syurga. Kita memerlukan roti, tetapi kita juga mendambakan keindahan, warna dan perayaan.

Doris Lessing, seorang seniman yang hebat, pernah menyertai Parti Komunis ketika masih muda. Namun, dia meninggalkannya apabila semakin matang. Mengapakah dia berbuat demikian?

Satu ungkapan sudah cukup untuk menjelaskan alasannya. Menurutnyanya, dia meninggalkan Parti Komunis “kerana mereka tidak percaya pada warna!”

Ajaran dan kehidupan Yesus menunjukkan bahawa hidup tidak harus dilihat dalam warna hitam dan putih semata-mata. Hidup bukan sekadar kitaran yang berulang tanpa penghujung—bangun tidur, mandi, pergi bekerja, melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, pulang ke rumah, makan malam, membuat persiapan untuk keesokan hari, lalu kembali tidur.

Namun begitu, rutin yang kelihatan hambar itu sebenarnya sangat bernilai. Pada akhirnya, rentak kehidupan sehari-hari boleh menjadi salah satu sumber terdalam yang memberikan sukacita dan makna kepada hidup kita.

Selepas menceritakan godaan yang dialaminya ketika muda untuk menghindari kehidupan biasa demi menyertai perjuangan yang dianggap lebih mulia menentang kemuraman dan malapetaka, Kathleen Norris berkongsi bagaimana seorang pembimbing yang baik, Betty Kray, membantunya menghindari perangkap tersebut.

Kray menggalakkan Norris supaya menulis berdasarkan sukacitanya, bukan kemuramannya semata-mata. Kray juga menasihatinya agar “menolak pandangan yang meromantisikan ketidakwarasan kerana pandangan itu palsu”.

Norris menulis: “*Dia berusaha keras untuk meyakinkan saya tentang sesuatu yang sangat difahami oleh rakan-rakannya yang pernah dimasukkan ke hospital akibat gangguan mental: penghargaan yang tulus dan sederhana terhadap perkara-perkara biasa dalam kehidupan sehari-hari merupakan harta yang tiada tandingannya di dunia ini.*”

Kadangkala, pengalaman hidup pula menjadi pembimbing kita. Apabila kesihatan dan tenaga kita pulih selepas jatuh sakit — setelah sekian lama tidak dapat bekerja dan terpisah daripada rutin kehidupan — tiada yang terasa lebih indah daripada dapat kembali menjalani kehidupan sehari-hari, dengan pekerjaan, ru-

tin dan segala perkara biasa yang memenuhi hari-hari kita.

Hanya setelah semua itu direnggut daripada kita dan kemudian dikembalikan, barulah kita menyedari bahawa kemampuan untuk menghargai perkara-perkara sederhana dalam kehidupan sehari-hari merupakan harta yang amat berharga.

Namun, pandangan para seniman tetap ada benarnya. Kehidupan biasa boleh membebani kita dan menghalang kita daripada meneroka kreativiti, percintaan, warna serta kebebasan dalam diri yang membolehkan kita menari.

Walau bagaimanapun, kita juga perlu mengakui bahawa beban dan sauh mempunyai fungsi yang baik.

Kedua-duanya menghalang kita daripada dihayutkan arus. Kedua-duanya membantu kita mengekalkan kewarasan dan memberikan kestabilan dalam kehidupan. Rentak kehidupan sehari-hari mungkin merupakan sauh paling kukuh yang memastikan kita tetap berpijak pada realiti.

Dalam lagunya pada tahun 1970-an yang bertajuk *American Tune*, Paul Simon menggambarkan usaha manusia menghadapi kekeliruan, kesilapan, pengkhianatan dan pelbagai pengalaman lain yang meragut kepolosan. Dia mengakhiri balada yang bernada pilu itu dengan nada yang tenang:

“*Namun, esok tetap merupakan hari kerja yang baharu, dan aku sedang cuba mendapatkan sedikit rehat. Itulah sahaja yang sedang aku usahakan — mendapatkan sedikit rehat.*”

Kesetiaan kepada tuntutan hidup yang sederhana membantu memelihara kewarasan kita. Sesungguhnya, ada sesuatu yang amat bernilai dalam kehidupan insan biasa yang berasa cukup — seseorang yang berakar pada rentak kehidupan sehari-hari dan, pada penghujung hari bekerja, hanya berusaha mendapatkan sedikit rehat. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Bacaan-bacaan hari ini mengajak kita merenungkan tiga perkara yang saling berkaitan: siapakah Yesus, dari manakah datangnya kuasa untuk memimpin umat Tuhan, dan bagaimanakah kuasa itu harus dilaksanakan?

Dalam bacaan pertama, Sebna dilucutkan daripada jabatannya. Berdasarkan konteks bacaan tersebut, dia telah menyalahgunakan kedudukannya dan mencari kemuliaan bagi dirinya sendiri. Tuhan kemudian memilih Elyakim, mengenakan jubah dan ikat pinggang jabatan kepadanya serta meletakkan “kunci Rumah Daud” di atas bahunya.

Apabila dia membuka, tiada seorang pun dapat menutup; apabila dia menutup, tiada seorang pun dapat membuka.

Kunci itu bukan sekadar lambang kedudukan yang tinggi. Kunci itu melambangkan amanah untuk menjaga rumah raja dan memastikan seluruh isi rumah dipelihara dengan baik.

Elyakim bukan pemilik rumah itu, tetapi pengurus yang bertindak bagi pihak raja. Dia dipanggil untuk menjadi “bapa bagi penduduk Yerusalem dan kaum Yehuda”.

Dengan kata lain, kuasa yang diterimanya bukan untuk kepentingan diri, tetapi untuk melindungi dan melayani umat.

Gambaran ini membantu kita memahami Injil. Yesus bertanya kepada para murid-Nya, “Kata orang, siapakah Anak Manusia itu?”

Mereka menyebut beberapa jawapan yang tersebar dalam kalangan masyarakat: Yohanes Pembaptis, Elia, Yeremia atau salah seorang nabi. Namun, Yesus tidak berhenti pada pandangan orang ramai. Dia mengajukan soalan yang lebih peribadi, “Tetapi menurut kamu, siapakah Aku ini?” Simon Petrus menjawab, “Engkaulah Kristus, Putera Tuhan yang hidup!” Pengakuan ini bukan sekadar jawapan yang betul dalam



Siapakah Yesus bagiku?

pelajaran agama.

Petrus mengakui bahawa Yesus ialah Penyelamat yang dijanjikan dan Putera Tuhan. Yesus menjelaskan bahawa kebenaran itu bukan diperoleh melalui kebijaksanaan manusia semata-mata, tetapi dinyatakan oleh Bapa di syurga.

Selepas pengakuan iman itu, Petrus menerima suatu keputusan: “Engkau adalah Petrus dan di atas batu karang ini Aku akan mendirikan Gereja-Ku.”

Yesus juga memberikan kepadanya kunci Kerajaan Syurga serta kuasa untuk mengikat dan melepaskan.

Seperti Elyakim, Petrus menerima kunci sebagai tanda amanah. Dia bukan pemilik Gereja; Kristuslah Pengasas dan Kepala Gereja. Petrus dipanggil untuk menggembala umat, memelihara kesatuan dan menjaga iman yang diterima daripada Kristus.

Gereja Katolik memahami keputusan Petrus ini sebagai dasar pelayanan kepausan yang diteruskan oleh para paus. Sri Paus ialah penerus Santo Petrus dan wakil Kristus dan gembala seluruh Gereja.

Namun, beliau bukan pemilik Gereja dan tidak menggantikan kedudukan Kristus se-

bagai Kepala Gereja. Sebaliknya, beliau ialah hamba yang dipanggil untuk memimpin Gereja dalam kesatuan, meneguhkan iman umat dan menjaga ajaran yang diwariskan oleh para rasul.

Yesus turut berjanji bahawa kuasa alam maut tidak akan menguasai Gereja-Nya. Janji ini tidak bererti Gereja akan bebas daripada kelemahan, dosa atau krisis. Sejarah menunjukkan bahawa para pemimpinnya tetap manusia yang memerlukan pertobatan. Namun, harapan Gereja tidak bergantung pada kesempurnaan manusia.

Gereja tetap berdiri kerana Kristus setia menyertainya dan Roh Kudus terus membimbingnya.

Bacaan daripada Surat Rasul Paulus kepada Jemaat di Roma mengingatkan kita supaya mendekati segala karya Tuhan dengan rendah hati: “Alangkah dalamnya kekayaan, kebijaksanaan dan pengetahuan Tuhan!”

Kita tidak akan mampu memahami sepenuhnya rancangan-Nya. Segala sesuatu berasal daripada-Nya, melalui-Nya dan untuk-Nya. Oleh itu, tiada seorang pun boleh bermegah seolah-olah pelayanan, kebijaksanaan atau kuasa yang dimilikinya berasal

HARI MINGGU BIASA KE-21 TAHUN A

YESAYA 22: 19-23;

ROMA 11:33-36;

INJIL MATIUS 16: 13-20.

daripada dirinya sendiri.

Apabila kita tidak memahami rancangan Tuhan, kita diajak untuk tidak mudah menghakimi, tetapi mencari kehendak-Nya dengan sabar, doa dan kerendahan hati. Setiap orang, termasuk ibu bapa, menerima amanah untuk membimbing mereka yang dipercayakan kepadanya. Katekis membantu membuka pintu iman. Guru membuka jalan kepada ilmu. Para pemimpin Gereja dan masyarakat pula diberikan kuasa untuk melayani, bukan menguasai.

Kita juga memegang “kunci” dalam kehidupan sehari-hari. Kata-kata yang lembut boleh membuka hati yang terluka.

Pengampunan boleh membuka jalan kepada perdamaian. Sebaliknya, keangkuhan, kecaman dan sikap tidak peduli boleh menutup pintu harapan bagi orang lain.

Persoalannya: adakah kita menggunakan amanah yang diberikan Tuhan untuk membuka jalan kepada kasih, kebenaran dan kehidupan?

Hari ini, Yesus sekali lagi bertanya, “Siapakah Aku bagimu?” Jawapan kita tidak cukup sekadar diucapkan dengan bibir. Jika Yesus benar-benar Kristus dan Putera Tuhan yang hidup, maka Dia harus menjadi pusat doa, keputusan, hubungan dan pelayanan kita.

Marilah kita memohon agar memiliki iman seperti Petrus, kerendahan hati seperti seorang hamba dan kebijaksanaan untuk menggunakan setiap amanah demi kebaikan sesama. **Fr Simon Bonifisius, Lantera Hidup**

Setiap insan mempunyai tempat dalam Gereja

KAJANG: Semangat “Gereja yang menerima semua tanpa terkecuali” mewarnai Misa tahunan bagi individu berkeperluan khas di Gereja Holy Family pada Ogos 1.

Dianjurkan oleh Pelayan Kateketikal Keuskupan Agung Kuala Lumpur, perayaan itu menghimpunkan kanak-kanak dan orang dewasa berkeperluan khas bersama keluarga, penjaga, sukarelawan serta para penyokong dalam suasana penuh sukacita, iman dan kebersamaan.

Memasuki tahun ketiga penganjurannya, Misa tersebut disertai oleh umat dari seluruh keuskupan agung, termasuk keluarga yang datang dari Teluk Intan.

Turut hadir ialah peserta daripada agama lain, sekali gus memperlihatkan bahawa nilai kasih, penghormatan terhadap martabat manusia dan rasa kekitaan merentasi batas agama.

Misa bermula pada jam 10.00 pagi dipimpin oleh Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, bersama paderi paroki Gereja Holy Family, Fr Michael Chua. Fr Michael turut menjadi jurubahasa isyarat sepanjang liturgi.

Individu berkeperluan khas turut menyampaikan bacaan pertama dan memimpin Mazmur Tanggapan. Penglibatan mereka memperlihatkan bahawa setiap orang mempunyai tempat dan peranan dalam kehidupan serta pelayanan Gereja.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian mengingatkan umat bahawa Tuhan sering berbicara melalui insan



yang tidak kita sangka.

“Tuhan telah mengutus para nabi—insan istimewa dalam kehidupan kita—untuk mengajar kita perkara yang mungkin sukar kita pelajari,” katanya.

Prelatus itu turut mengajak umat meneliti diri untuk melihat sama ada mereka benar-benar mendengar suara Tuhan melalui orang lain, khususnya mereka yang sering tidak didengari atau dipinggirkan.

Dengan merujuk kepada teladan Nabi Yeremia dan Yohanes Pembaptis, Uskup Agung Julian mengajak umat membuka hati untuk mendengar suara Tuhan melalui Kitab Suci, suara hati, alam ciptaan dan sesama manusia, khususnya mereka yang sering dipinggirkan.

Sebelum berkat penutup, Pengarah Pusat Kateketikal Keuskupan Agung, Dr Steven Selvaraju menjelaskan tujuan Misa tersebut diadakan.

Menurut beliau, Misa itu memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga untuk beribadat dalam suasana inklusif, di samping meningkatkan kesedaran umat tentang keperluan individu berkeperluan khas dan kepentingan pelayanan yang bersesuaian.

Hari Orang Asal angkat martabat dan semangat kebersamaan

PORT DICKSON: Suasana penuh sukacita dan persaudaraan menyelubungi Gereja Immaculate Conception, Port Dickson (CICPD) ketika umat merayakan Hari Orang Asal Sedunia 2026 bersama komuniti Orang Asal, ahli KUBM serta umat dari Kampung Tekir pada Ogos 9 lalu.

Sambutan dimulakan dengan Misa Kudus yang menyaksikan penglibatan aktif komuniti Orang Asal dalam pelayanan liturgi.

Dengan sokongan KUBM, semua tugas liturgi dilaksanakan oleh anggota komuniti berkenaan.

Penglibatan itu menjadikan perayaan Ekaristi tersebut suatu ungkapan nyata bahawa setiap komuniti mempunyai tempat, martabat dan peranan penting dalam kehidupan Gereja.

Selepas Misa, umat berkumpul bagi mengikuti upacara perasmian yang disempurnakan oleh Fr Edwin Peter.

Suasana semakin meriah menerusi acara simbolik menyempit belon, persembahan tarian oleh kanak-kanak Orang Asal dan upacara memotong kek.

Jamuan tengah hari pula memberi kesempatan kepada umat untuk duduk bersama, berkongsi makanan dan beramah mesra. Juadah yang dibawa secara potluck oleh komuniti Orang Asal turut menyerlahkan semangat kemurahan hati dan perkongsian.

Pada sebelah petang, sambutan



diteruskan dengan pelbagai aktiviti santai dan sukaneka untuk kanak-kanak serta orang dewasa.

Gelak tawa memenuhi suasana ketika umat daripada pelbagai latar belakang bersama-sama mengambil bahagian dalam acara yang disediakan.

Di sebalik kemeriahan sambutan, semangat berjalan bersama sebagai satu Gereja turut terserlah menerusi kerjasama Persatuan St Vincent de Paul (SSVP), Pelayanan Wanita dan Creation Justice Ministry (CJM) CICPD.

Ketiga-tiga pelayanan itu bekerjasama dalam persiapan dan pelaksanaan program dengan menyumbangkan masa, tenaga serta komitmen bagi memastikan komuniti Orang Asal diraikan dengan penuh kasih dan penghargaan.

Kerjasama tersebut memperlihatkan bahawa pelayanan dalam Gereja bukanlah tanggungjawab satu kelompok sahaja.

Apabila pelbagai pelayanan bersedia membuka ruang untuk bekerjasama, Gereja menjadi lebih dekat dengan umat, lebih inklusif dan lebih berupaya menyentuh kehidupan masyarakat.

Suasana bertambah ceria dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disampaikan oleh Sylvia dan Sr Teresa.

Program itu berakhir dengan jamuan ringan serta kata-kata semangat kepada para peserta.

Mereka digalakkan agar terus tekun dan setia dalam pelayanan, menjadi saksi kasih Kristus serta berganding bahu berkarya di ladang Tuhan. **Tim Anderson**

Umat beri penghormatan terakhir kepada Fr Nicholas Ong



SANDAKAN: Umat di Keuskupan Sandakan berkabung atas pemergian Fr Nicholas Ong, 76, yang kembali ke pangkuan Tuhan pada Ogos 3, 2026.

Sebagai antara paderi tempatan perintis di Sabah, Fr Nicholas mengabdikan 48 tahun kehidupannya kepada pelayanan sebagai paderi.

Pelayanannya dikenang melalui keprihatinan pastoral, pewartaan yang bersemangat serta komitmennya terhadap penginjilan, keadilan sosial

dan pemeliharaan alam sekitar. Umat di Gereja Holy Trinity memberikan penghormatan terakhir kepadanya pada Ogos 4 sebelum jenazah dibawa ke Katedral St Mary, Sandakan.

Selepas Misa Pengebumian pada Ogos 6, jenazahnya disemadikan di Tanah Perkuburan Katolik Sibuga.

Dalam homilinya, Uskup Sandakan Julius Dusin Gitom menyifatkan Fr Nicholas sebagai paderi yang murah hati, setia dan tekun bekerja di ladang Tuhan.

Fr Nicholas dilantik sebagai Vikaris Jeneral pertama selepas Keuskupan Sandakan ditubuhkan dan menjalankan tanggungjawab itu sehingga meletakkan jawatan atas faktor kesihatan pada 2023.

Beliau juga pernah mengajar serta menjadi pembimbing rohani di seminari Kuching dan Kota Kinabalu. Rakan seperjuangannya, Fr Thomas Makajil, menyifatkan mendiang sebagai seorang pejuang yang kekal setia kepada panggilan imamat hingga akhir hayat.

Tiga komuniti bahasa raikan Ritus Penerimaan

KOTA KINABALU: Satu detik yang indah dan penuh makna tercipta dalam perjalanan iman para calon yang berhasrat menjadi anggota Gereja Katolik apabila paroki ini merayakan Ritus Penerimaan pada Ogos 8 dan 9.

Upacara tersebut menyaksikan para calon daripada komuniti berbahasa Inggeris, Cina dan Melayu diterima secara rasmi sebagai katekumen, sekali gus memulakan peringkat baharu dalam perjalanan mereka mengenali dan mengikuti Yesus Kristus.

Ritus Penerimaan bagi komuniti berbahasa Inggeris diraikan dalam Misa Senja yang dipimpin oleh Fr Wilson Francis pada Ogos 8.

Keesokan harinya, ritus bagi komuniti berbahasa Cina berlangsung dalam Misa Ahad yang dipimpin oleh Fr Moses Yap, manakala Ritus Penerimaan bagi komuniti Bahasa Melayu diraikan dalam Misa Ahad yang dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen.

Ritus Penerimaan merupakan salah satu tahap penting dalam proses Inisiasi Kristian Dewasa.

Melalui ritus ini, mereka yang telah menyatakan keinginan untuk mengenali iman Katolik dan mengikuti Kristus diterima secara rasmi sebagai katekumen.

Penerimaan tersebut menandakan bermulanya peringkat katekumenat, iaitu tempoh pembentukan yang membolehkan para katekumen mendalami iman serta membina hubungan yang semakin akrab dengan Kristus.

Sepanjang tempoh itu, para katekumen akan dibimbing melalui Sabda Tuhan, doa, pengajaran



dan kehidupan liturgi untuk mendalami iman, membuka hati kepada rahmat Tuhan serta membina hubungan yang lebih erat dengan Kristus.

Pada masa yang sama, Ritus Penerimaan turut mengingatkan seluruh komuniti paroki tentang

tanggungjawab mereka untuk menyambut, menyokong dan menemani para katekumen.

Doa dan sokongan umat penting agar para katekumen menyedari bahawa mereka ditemani oleh keluarga iman sepanjang perjalanan mereka.

Sahabat kecil Yesus

**CARI
SEPULUH
PERBEZAAN
PADA
GAMBAR INI:**



KUNCI KERAJAAN SYURGA

**“Kepadamu akan Kuberikan _____
Kerajaan Syurga.”**
(Matius 16:19)

Jom lengkapkan ayat!

1. Lengkapkan ayat di atas berdasarkan Matius 16:19.
2. Cari benda yang diberikan oleh Yesus kepada Petrus.
3. Bulatkan dan warnakan benda itu.



MARI MEWARNA!

**“Engkau ialah Petrus dan di
atas batu ini Aku akan mendirikan
Gereja-Ku.”**
(Matius 16:18)



YESUS MEMBERIKAN KUNCI KERAJAAN SYURGA KEPADA PETRUS



Salam, anak-anak!

Pernahkah kamu bercerita kepada kawan-kawan tentang seseorang yang kamu sayangi? Kamu mungkin menyebut namanya dan menjelaskan mengapa orang itu begitu istimewa bagimu.

Dalam Injil Matius 16:13–20, Yesus bertanya kepada para murid-Nya, “Kata orang, siapakah Anak Manusia itu?”

Mereka menjawab bahawa ada yang menganggap Yesus sebagai Yohanes Pembaptis, Elia, Yeremia atau salah seorang nabi.

Kemudian, Yesus mengajukan soalan yang lebih penting, “Tetapi menurut kamu, siapakah Aku ini?”

Simon Petrus menjawab dengan penuh iman, “Engkaulah Kristus, Putera Tuhan yang hidup!”

Jawapan Petrus tepat. Yesus ialah Kristus, Putera Tuhan dan Penyelamat kita. Dia datang untuk menyelamatkan kita daripada dosa dan membawa kita kembali kepada Tuhan Bapa.

Yesus memilih Petrus untuk memimpin para rasul dan Gereja-Nya. Nama Petrus bererti “batu karang”. Yesus berkata kepadanya, “Engkau adalah Petrus dan di atas batu karang ini Aku akan mendirikan Gereja-Ku.” Oleh sebab itu, Santo Petrus dikenang sebagai pemimpin pertama Gereja dan paus yang pertama.

Yesus juga memberikan “kunci Kerajaan Syurga” kepada Petrus. Kunci itu melambangkan kuasa dan tanggungjawab istimewa yang diberikan oleh Yesus kepadanya untuk memimpin umat Tuhan. Tugas Santo Petrus ini diteruskan oleh para paus sehingga hari ini.

Anak-anak, Yesus juga bertanya kepada kita, “Siapakah Aku bagimu?” Kita boleh menjawab bukan sahaja dengan kata-kata, tetapi juga melalui cara hidup kita. Kita menunjukkan bahawa kita percaya kepada Yesus apabila kita berdoa, menghadiri Misa, mematuhi ibu bapa, mengampuni orang lain dan membantanya mereka yang memerlukan.

Marilah kita meneladani iman Santo Petrus dengan berdoa:

**“Yesus, Engkaulah Kristus, Putera Tuhan yang hidup.
Bantulah aku untuk semakin mengenal, mengasihi dan
mengikuti-Mu setiap hari. Amin.”**

Aunty Melly

BELIA

Tanda Salib bukan sekadar gerakan rutin



KOTA KINABALU: Tanda Salib merupakan peringatan penting kepada umat Katolik agar memulakan setiap doa dengan mengingati Tuhan, kata paderi paroki Gereja Katolik St Simon Likas, Fr Michael Modoit.

Fr Michael menyampaikan katekesis mengenai makna Tanda Salib kepada para pelajar dan guru dari SMJK Shan Tao serta Kolej Vokasional Likas pada Ogos 7 lalu.

Beliau berkata bahawa Tanda Salib merupakan salah satu amalan asas dalam iman Katolik yang mengingatkan umat kepada Bapa, Putera dan Roh Kudus.

“Renungan kita pada hari ini adalah mengenai asas iman kita. Apakah asas itu? Membuat Tanda Salib — Atas nama Bapa dan Putera dan Roh Kudus,” katanya dalam homili.

Merujuk kepada bacaan Injil yang berbicara tentang salib, Fr Michael turut menggunakan perlawanan bola sepak sebagai perbandingan. Beliau berkata, sesetengah pemain dapat dilihat membuat Tanda Salib sebelum memulakan pertandingan.

Menurut beliau, perbuatan itu menunjukkan bahawa pemain berkenaan mengingati Tuhan dan memohon pertolongan-Nya sebelum memulakan permainan.

“Betapa baiknya apabila dia mengingati

Tuhan, memohon pertolongan-Nya dan percaya kepada Yesus. Sebagai seorang Kristian, dia tidak lupa untuk berdoa,” katanya.

Fr Michael menegaskan bahawa Tanda Salib perlu dibuat dengan betul dan penuh kesedaran, bukan secara tergesa-gesa atau sambil lewa.

Beliau kemudian menunjukkan cara umat Katolik membuat Tanda Salib, iaitu dengan menyentuh dahi, dada serta kedua-dua bahu sambil menyebut nama Bapa, Putera dan Roh Kudus.

Fr Michael seterusnya membandingkan perbuatan itu dengan tindakan menyalakan lampu elektrik.

“Adakah kamu tahu bagaimana lampu dinyalakan? Lampu tidak akan menyala tanpa suis. Bolehkah kita menyalakannya tanpa suis? Sudah tentu tidak.”

“Sebaik sahaja kita menekan butangnya, lampu akan menyala,” katanya.

Fr Michael menjelaskan bahawa Tanda Salib juga menjadi permulaan kepada doa seseorang. Perbuatan itu membantu seseorang memusatkan fikiran dan hatinya kepada Tuhan sebelum mula berdoa.

“Apabila kita mula berdoa, kita membuat Tanda Salib. Perbuatan itu membantu kita menyedari kehadiran Tuhan dalam

hati dan fikiran kita,” katanya.

Beliau menggalakkan para pelajar agar sentiasa membuat Tanda Salib ketika berdoa dan menjadikannya peringatan akan kehadiran Tuhan.

“Setiap kali kamu berdoa, buatlah Tanda Salib. Ingatlah Bapa ketika kamu menyentuh dahi. Ingatlah Yesus ketika kamu menyentuh dada. Ingatlah juga Roh Kudus ketika kamu menyentuh bahu kiri dan kanan,” katanya.

Fr Michael turut berkongsi tentang seseorang yang sering dilihatnya membuat Tanda Salib.

Menurut beliau, individu itu menjelaskan bahawa Tanda Salib mengingatkannya untuk memulakan doa dengan mengarahkan hati kepada Tuhan.

Berdasarkan contoh itu, Fr Michael menggalakkan para pelajar membuat Tanda Salib sebelum dan selepas belajar.

“Kamu perlu belajar. Sebelum dan selepas belajar, buatlah Tanda Salib,” katanya. Paderi itu mengingatkan para pelajar bahawa Tanda Salib tidak seharusnya dianggap sekadar gerakan rutin.

Sebaliknya, ia merupakan tindakan penuh makna yang menandakan permulaan doa serta mengarahkan hati dan fikiran seseorang kepada Tuhan.



Pertemuan belia semai harapan dan perdamaian

SANTA MARIA DI LEUCA, Itali: Wilayah Puglia di selatan Itali menjadi tuan rumah kepada pertemuan selama lima hari yang menghimpunkan golongan muda untuk berinteraksi, berdoa dan merenungkan usaha membina perdamaian di rantau Mediterranean.

Dari 10 hingga 14 Ogos, golongan muda daripada pelbagai budaya dan agama akan berkumpul di Santa Maria di Leuca, di pesisir Mediterranean, bagi edisi ke-11 “Carta di Leuca”.

Pertemuan tahun ini bertemakan “Mediterranean yang Damai demi Dunia yang Damai — Keindahan, Seni dan Perdamaian”.

Pertemuan tahunan yang dimulakan pada 2016 itu bertujuan menghimpunkan golongan muda dari beberapa wilayah di sekitar Mediterranean bagi merumuskan komitmen nyata terhadap usaha membina perdamaian.

Antara peserta tahun ini ialah golongan muda dari Cyprus, Yerusalem dan Itali yang terlibat dalam Caritas serta beberapa pertubuhan rakan kerjasama.

Memulihkan hubungan yang terluka

Program tahun ini mengambil inspirasi daripada surat pastoral Kardinal Pierbattista Pizzaballa yang bertajuk “Mereka Kembali ke Yerusalem dengan penuh sukacita”.

Sepanjang tiga hari pertama, para sukarelawan mengendalikan bengkel yang membincangkan hubungan yang terluka, kekayaan dalam kepelbagaian, kepentingan menerima orang lain, pemulihan kenangan silam serta pembinaan harapan.

Para peserta juga akan bertemu dengan masyarakat setempat dan berjalan kaki menyusuri beberapa kilometer terakhir laluan Via Francigena menuju Tempat Suci Santa Maria de Finibus Terrae.

Tempat itu secara tradisi dianggap sebagai titik pertemuan antara Timur dan Barat.

Pada malam Ogos 13 hingga 14, para peserta mengadakan vigil doa sebelum memulakan ziarah menuju ke tempat suci di Leuca. Acara ini diakhiri dengan Misa yang dipimpin oleh Kardinal Pizzaballa. Media Vatikan

KUALA LUMPUR: Pada Ogos 2 lalu, paroki St Paul the Hermit menyaksikan detik penuh bermakna apabila sembilan umat menerima Sakramen Penguatan daripada Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow.

Dalam homilinya, Uskup Julian mengajukan beberapa soalan kepada para calon penerima Sakramen Krisma untuk membantu mereka merenungkan hubungan mereka

Krismawan St Paul the Hermit diutus jadi teladan kebaikan

dengan Tuhan.

Antaranya ialah bagaimana mereka dapat memelihara hubungan yang erat dengan Tuhan, apakah cabaran yang bakal dihadapi dalam perjalanan iman, dan sama ada mereka akan tetap setia kepada-Nya selepas menerima sakramen tersebut.

Merujuk kepada bacaan kedua, Uskup Agung Julian menegaskan bahawa hubungan yang

sejati tidak akan memisahkan umat daripada Tuhan, sebaliknya membantu mereka semakin dekat dan setia kepada-Nya.

Selepas homili, Uskup Agung Julian mengurapi dahi setiap calon dengan minyak krisma sebagai tanda bahawa mereka menerima karunia Roh Kudus.

Paderi paroki, Fr James Gabrial, turut melahirkan rasa syukur dan sukacita atas penerimaan Sakramen Penguatan oleh para krismawan. Beliau memberikan kata-kata semangat dan mengajak mereka untuk terus setia melayani Tuhan dan Gereja,ewartakan Khabar Baik serta menjadi teladan dalam keluarga, masyarakat dan negara. Christopher Charles



Berita singkat antarabangsa

Religius diseru bantu kaum muda sahut panggilan

VATIKAN: Sempena ulang tahun ke-70 penubuhan Persidangan Kepimpinan Biarawati Amerika Syarikat, Sri Paus Leo XIV menyampaikan mesej video kepada para peserta Perhimpunan Tahunan 2026.

Beliau menyampaikan salam dan doa kepada para religius daripada pelbagai kongregasi di seluruh Amerika Syarikat.

Bapa Suci menekankan kepentingan memupuk kesatuan dalam kalangan institut religius yang memiliki komuniti, sejarah dan misi berbeza.

Menurut Bapa Suci, semua orang Kristian dipanggil untuk membina persekutuan dalam Kristus menerusi sebuah Gereja sinodal, dengan setiap orang bekerjasama melaksanakan misi yang sama menurut karisma dan pelayanan masing-masing.

Sri Paus mengajak para religius menjadi teladan dalam menghayati sinodaliti berdasarkan pengalaman hidup berkomuniti.

Sri Paus Leo turut berharap agar perhimpunan itu membantu mereka mendengar bimbingan

Roh Kudus dalam menilai arah kehidupan bakti pada masa hadapan.

Mengulas tema perhimpunan, “Banyak Karisma, Satu Roh, Satu Panggilan”, beliau berkata, pelbagai karisma yang dikurniakan Roh Kudus sepanjang sejarah telah membantu para religius menampilkan misi dan misteri Gereja kepada dunia.

Sri Paus Leo berterima kasih atas sumbangan mereka dalam bidang penganjuran, pendidikan dan pelayanan kepada golongan miskin.

“Gereja memerlukan kamu serta kepelbagaian dan kekayaan yang kamu wakili melalui kehidupan bakti dan pelayanan,” katanya.

Sri Paus Leo turut menegaskan pentingnya memupuk panggilan religius. Walaupun dunia semakin sekular, ramai orang masih merindui Tuhan dan golongan muda mula menemui semula iman mereka.

Oleh itu, para religius digalakkan mendekati golongan muda, memperkenalkan cara hidup bakti serta membantu mereka mendengar suara Tuhan dalam hati. **Media Vatikan**

CBCP arah semua paroki sambut Hari Ciptaan

MANILA: Konferensi para Uskup Katolik Filipina (CBCP) mengarahkan semua paroki dan komuniti gerejawi di negara itu menyambut Hari Ciptaan pada September 6.

Sambutan itu, yang turut dikenali sebagai Hari Doa Sedunia untuk Pemeliharaan Ciptaan, akan diadakan pada hari Minggu pertama bulan September setiap tahun.

Dalam surat pastoral bertarikh Ogos 12, para uskup memberi amaran bahawa krisis ekologi yang semakin buruk membawa kesan buruk, khususnya kepada komuniti paling terdedah.

Mereka menyifatkan kemusnahan alam sekitar sebagai persoa-

lan hidup dan mati, sambil menyuarakan kebimbangan terhadap kerosakan ekosistem tempatan serta kecemasan iklim global yang menyebabkan taufan semakin kuat melanda kepulauan Filipina.

Liturgi Hari Ciptaan diharapkan menjadi kesempatan untuk bertaubat, meratapi kemusnahan alam, bersyukur kepada Tuhan dan menghayati pertobatan ekologi sepanjang Masa Ciptaan.

Semua paroki dan komuniti diarahkan menggunakan rumusan serta bacaan Kitab Suci daripada Misa untuk Pemeliharaan Ciptaan yang baharu diluluskan, bagi menggantikan liturgi hari Minggu dalam Masa Biasa. **LiCAS News**

Amaran penggunaan AI dalam peperangan

VATIKAN: Hari Keamanan Sedunia ke-60 akan disambut pada Januari 1, 2027, dengan tema “Melucutkan Teknologi, Berkhidmat demi Keamanan: Politik sebagai Tanggungjawab Pencegahan”.

Tema pilihan Sri Paus Leo XIV itu menekankan tanggungjawab moral para pemimpin politik dalam memelihara maruah manusia dan membina keamanan, bermula dengan usaha “melucutkan senjata daripada teknologi”.

Merujuk kepada ensiklik *Magnifica humanitas*, Bapa Suci menegaskan bahawa tiada algoritma yang mampu menjadikan peperangan dapat diterima dari segi moral.

Beliau turut memberi amaran tentang bahaya penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam membuat keputusan ketenteraan yang melibatkan nyawa manusia.

Sri Paus Leo menyeru masyarakat antarabangsa mencapai persetujuan bersama yang

dapat menjamin tanggungjawab manusia serta melindungi prinsip kemanusiaan dalam keadaan yang mengancam kehidupan dan keamanan antarabangsa.

Ketika mempersembahkan ensiklik itu pada Mei 25, prelatus itu menjelaskan bahawa teknologi baharu dan AI kini mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan, termasuk cara keputusan dibuat dan peperangan dilancarkan.

Berdasarkan renungan tersebut lahir satu seruan tegas bahawa “kecerdasan buatan mesti dilucutkan”.

Menurut beliau, istilah itu sengaja dipilih untuk menyedarkan hati nurani manusia. Sebagaimana Gereja menyokong pelucutan senjata nuklear demi keamanan dan maruah manusia, AI juga perlu dikawal supaya digunakan untuk kepentingan bersama.

Bapa Suci mengingatkan bahawa keamanan bukan sekadar ketiadaan perang, tetapi keadilan yang dilaksanakan. **Media Vatikan**

Ancaman senjata, buli gugat keselamatan sekolah Thailand

BANGKOK: Insiden tembakan rambang yang meragut nyawa di Nonthaburi serta ancaman bersenjata di sebuah sekolah terkemuka di Bangkok telah mencetuskan krisis keselamatan di sekolah-sekolah Thailand.

Kejadian itu turut mendorong desakan supaya sistem pendidikan diperbaharui, kawalan senjata api diperketat dan sokongan kesihatan mental bagi golongan muda diperluas.

Puluhan pelajar, ibu bapa dan guru berhimpun di Wat Lat Pla Duk, Nonthaburi, untuk memberikan penghormatan terakhir kepada seorang mangsa berusia 12 tahun.

Serangan bersenjata pada Ogos 7 yang dilakukan oleh pelajar berusia 14 tahun itu mengorbankan beberapa nyawa dan mencederakan lebih 20 orang, sekali gus mencetuskan semula perdebatan mengenai kawalan senjata api di Thailand.

Susulan tragedi itu, UNICEF mengeluarkan kenyataan yang mengancam segala bentuk keganasan terhadap kanak-kanak serta menggesa kerajaan Thailand mengambil langkah pencegahan dengan segera.

Tidak seorang pun kanak-kanak sepatutnya menjadi sasaran atau menyaksikan keganasan, di mana-mana dan pada bila-bila masa, tegas UNICEF.

Insiden tembakan di Nonthaburi berlaku hampir serentak dengan



satu lagi kejadian membimbangkan di Bangkok.

Gejala buli terus membelenggu institusi pendidikan

Selain ancaman senjata api, masalah buli terus membelenggu institusi pendidikan di Thailand. Beberapa kes di Sekolah Khon Kaen Wittayayon dan Universiti Khon Kaen membabitkan pemuluan, ejekan serta penghinaan berpanjangan terhadap pelajar.

Menurut pakar psikiatri Dr Prani Paveenchana, buli ialah satu bentuk keganasan yang boleh menyebabkan kemurungan, keresahan, gangguan tekanan pascatrauma dan kecenderungan mencederakan diri.

Data Jabatan Kesihatan Mental menunjukkan bahawa 91.79 per-

tus kanak-kanak Thailand pernah dibuli, meletakkan negara itu di tangga kedua tertinggi di dunia selepas Jepun.

Menyesuaikan pendekatan pendidikan dan memulihkan kepercayaan

Menurut Dr Virachai Techavijit, pendekatan autoritarian tidak lagi berkesan untuk mendidik generasi muda.

Guru perlu membina hubungan, memahami pelajar serta menjelaskan tujuan setiap peraturan dengan sabar dan konsisten. Institusi pendidikan juga perlu lebih bertanggungjawab dan berempati bagi memastikan sekolah menjadi tempat yang selamat untuk semua pelajar. **LiCAS News**

Bapa Suci gesa dunia selamatkan penduduk Sudan

SUDAN: Selepas memimpin doa Angelus pada Ahad, Paus Leo XIV menyuarakan kebimbangannya terhadap konflik yang masih berlarutan di Sudan, khususnya keadaan genting di El-Obeid.

Bapa Suci menyatakan kedekatan rohaninya dengan seluruh rakyat Sudan dan sekali lagi menyeru pihak berkuasa menyediakan laluan kemanusiaan yang selamat bagi penduduk awam.

El-Obeid berdepan malapetaka kemanusiaan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran bahawa El-Obeid berisiko menjadi lokasi malapetaka kemanusiaan seterusnya di Sudan.

Selepas dikepung selama berbulan-bulan, penduduk dilaporkan semakin kehabisan makanan, air dan bekalan perubatan.

Konflik selama tiga tahun telah menyebabkan lebih daripada 14

juta orang kehilangan tempat tinggal di seluruh Sudan, manakala jutaan lagi berdepan kelaparan.

Beri laluan kepada diplomasi dan dialog

Sri Paus Leo turut mengingatkan tentang ramai mangsa yang terbunuh dan cedera akibat konflik di Ukraine dan Rusia. Menurut beliau, kejadian tragis terus bertambah dan mengakibatkan semakin ramai orang awam menjadi korban.

Prelatus itu menyeru agar undang-undang kemanusiaan antarabangsa dihormati serta menggesa kedua-dua pihak menghentikan serangan yang menyasarkan orang awam.

Orang muda diajak meneladani para kudus

Bapa Suci memuji golongan muda yang menggunakan sebahagian daripada cuti mereka untuk menyertai kegiatan yang membina diri dan memupuk persahabatan sebagai tanda harapan.

Sri Paus Leo mengajak mereka meneladani Santo Dominikus, Santa Teresa Benedikta dari Salib, Santo Laurensius dan Santa Klara dari Assisi.

“Orang muda yang dikasihi, biarlah saksi-saksi Injil ini mengilhami dan membangkitkan semangat kamu!” katanya. **Media Vatikan**



Hayati hari Minggu sebagai Paskah mingguan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru umat Kristian supaya kembali menghayati hari Minggu sebagai Paskah mingguan dengan mengambil bahagian secara aktif dalam perayaan Ekaristi — tanda nyata persekutuan mereka dengan Kristus dan Gereja-Nya.

Dalam Audiensi Umum mingguan di Basilika Santo Petrus pada Ogos 12, Bapa Suci meneruskan siri katekesis mengenai Konstitusi tentang Liturgi Suci, *Sacrosanctum Concilium*, dengan memberikan tumpuan kepada bab kelima dokumen tersebut.

Sri Paus menjelaskan bahawa istilah “tahun liturgi” untuk merujuk kepada rangkaian perayaan Kristian mula digunakan secara meluas dalam Gereja hasil usaha Hamba Tuhan Abbot Prosper Guéranger (1805–1875).

Dalam hal ini, Sri Paus Pius XII pernah menegaskan bahawa tahun liturgi bukan sekadar mengenang peristiwa lampau tetapi menghadirkan Kristus yang hidup dalam Gereja-Nya.

Melalui tahun liturgi, misteri keselamatan terus dihadirkan dan berkaru dalam kehidupan umat beriman.

Menurut Sri Paus Leo, tahun liturgi perlu difahami sebagai kehadiran berterusan karya penyelamatan Kristus dalam sejarah.

Dengan menghayati setiap musim dan perayaan liturgi, Gereja terus bersatu dengan karya penebusan Tuhan, sekali gus membolehkan umat menerima rahmat-Nya.

“Pertemuan dengan Yesus, yang telah wafat dan bangkit bagi kita, merupakan tujuan yang sentiasa diusahakan



kan oleh Gereja dengan meletakkan perayaan peristiwa Paskah sebagai pusat dalam setiap detik,” katanya.

Atas sebab itu, para Bapa Konsili menyifatkan hari Minggu sebagai “asas dan teras seluruh tahun liturgi” serta “hari perayaan yang utama”.

Sri Paus berkata, hari Minggu ialah *dies Domini*, yakni Hari Tuhan. Malah, dalam bahasa tertentu yang menggunakan istilah “hari matahari” untuk merujuk kepada hari Minggu, umat Kristian dapat melihatnya sebagai lambang Kristus, “Matahari Kebenaran” sejati yang menerangi setiap insan.

Hari Minggu — peringatan akan kebangkitan Tuhan

Sri Paus Leo turut mengimbas ajaran Santo Yohanes Paulus II bahawa hari Minggu ialah Hari Tuhan, hari Gereja, hari manusia dan akhirnya, “hari segala hari”.

“Oleh sebab hari Minggu ialah Paskah mingguan, hari tersebut menghadirkan kebangkitan Kristus dan

menyatakan makna sebenar waktu, sambil mengarahkan perjalanan sejarah manusia kepada kedatangan Tuhan kembali.”

Bapa Suci menegaskan bahawa perayaan Ekaristi merupakan perkara asas dalam menguduskan hari Minggu. Dengan berkumpul untuk mendengar Sabda Tuhan dan merayakan Ekaristi, umat Kristian memperlihatkan persekutuan mereka dengan Tuhan serta memberikan kesaksian bahawa mereka adalah milik Kristus dan setia kepada Gereja.

Menurut Bapa Suci, perhimpunan umat beriman tidak boleh digantikan sepenuhnya dengan penyertaan secara maya. Liturgi perlu dirayakan bersama melalui penyertaan aktif umat, bukan hanya diikuti sebagai pemerhati.

Liturgi menuntut penyertaan aktif umat yang berkumpul untuk bersyukur kepada Tuhan atas “harapan yang hidup” yang diterima melalui kebangkitan Kristus. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Berikut ialah tujuh novena Katolik yang sering didoakan oleh umat dalam pelbagai keperluan. Namun, kuasa doa tidak terletak pada bilangannya atau pada teks tertentu, sebaliknya pada rahmat Tuhan serta iman, ketekunan dan penyerahan diri orang yang berdoa:

Novena kepada Roh Kudus

Didoakan untuk memohon tujuh karunia Roh Kudus, bimbingan, kebijaksanaan dan pembaharuan iman. Novena ini secara tradisi didoakan selama sembilan hari menjelang Pentakosta.

Novena Kerahiman Ilahi

Didoakan untuk memohon belas kasihan Tuhan bagi diri sendiri, keluarga, orang berdos, mereka yang menderita dan seluruh dunia. Lazimnya bermula pada Jumaat Agung dan berakhir pada hari Minggu Kerahiman Ilahi.

Novena Hati Kudus Yesus

Sesuai untuk menyerahkan niat peribadi, keluarga, kesulitan hidup dan keperluan rohani kepada kasih Kristus. Novena ini sering didoakan menjelang Hari Raya Hati Kudus Yesus.

Novena Penyerahan Diri kepada Yesus

Membantu seseorang menyerahkan

Tujuh Novena popular



kebingungan, ketakutan, masalah dan perkara yang tidak mampu dikawalinya kepada Yesus.

Doa utamanya menekankan kepercayaan: “Ya Yesus, aku berserah kepada-Mu; uruskanlah segalanya.”

Novena kepada Bunda Maria Penolong Abadi

Didoakan untuk memohon perantaraan Bunda Maria dalam kesulitan keluarga, penyakit, masalah kewangan, pekerjaan dan pelbagai keperluan mendesak.

Novena kepada Santo Jude Tadeus

Umat sering memohon perantaraan Santo Jude Tadeus ketika menghadapi keadaan yang sangat sukar atau terdesak, seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Novena ini mengajak umat terus berharap kepada Tuhan.

Novena kepada Santo Yosef

Novena ini sesuai untuk memohon pertolongan berkaitan keluarga, pekerjaan, kewangan, tempat tinggal, kehidupan rumah tangga serta rahmat menghadapi saat kematian dengan tenang.

Novena bukanlah jaminan bahawa setiap permohonan akan dikabulkan tepat seperti yang kita kehendaki. Tujuannya ialah membawa kita lebih dekat kepada Tuhan dan membantu kita berdoa seperti Yesus: “Bukan kehendak-Ku, tetapi kehendak-Mulah yang terjadi.”

Di atas segala bentuk devosi dan novena, Ekaristi tetap menjadi sumber dan kemuncak kehidupan umat Kristian.

Dalam Ekaristi, kita bukan sekadar mengenang Yesus, tetapi menyambut Kristus sendiri yang benar-benar hadir dalam Tubuh dan Darah-Nya.

Oleh itu, novena tidak dapat menggantikan Misa Kudus, Ekaristi, doa peribadi, pembacaan Kitab Suci atau penerimaan sakramen. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Jangan menghakimi

Apakah yang sebenarnya dirasakan apabila dua insan yang telah dipersatukan oleh Tuhan sebagai “satu daging” akhirnya terpaksa berpisah secara sivil? Adakah Tuhan akan menghukum mereka? Adakah mereka masih diterima oleh Gereja? Persoalan-persoalan ini tidak pernah benar-benar saya renungkan sehinggalah saya berjalan bersama seseorang yang melalui perceraian secara sivil. Terus terang, pada mulanya saya juga pernah menghakimi mereka. Dalam hati, saya berkata, “Dahulu bukan main mesra ... Dahulu majlis perkahwinan begitu gah ... Eh! Anak dah lima pun masih nak bercerai?”

Namun, apabila saya mendengar kisahnya dan menyaksikan penderitaannya dari dekat, saya mula memahami bahawa perceraian bukan sekadar dokumen yang ditandatangani atau dua insan yang memilih haluan berbeza.

Selepas bercerai secara sivil, dia memberitahu saya bahawa secara rohani dirinya berasa sangat “sakit”. “Kami telah dipersatukan melalui Sakramen Perkahwinan sebagai satu daging. Sekarang, saya berasa seolah-olah saya telah mengoyakkan daging saya sendiri,” katanya. Kata-kata itu terus terpahat dalam ingatan saya.

Saya mula menyedari bahawa di tengah-tengah luka seperti ini, seseorang tidak memerlukan suara yang segera menghukum. Dia memerlukan pendampingan — telinga yang sudi mendengar, mata yang tidak memandangnya dengan prasangka dan hati yang mampu menghadirkan belas kasihan Kristus.

Perceraian sivil mungkin menyelesaikan urusan tertentu di sisi undang-undang, tetapi sekeping dokumen tidak dapat serta-merta memadamkan sejarah kehidupan bersama.

Di sinilah pentingnya pendampingan pastoral daripada para paderi, religius dan pelayan pastoral yang terlatih. Ketika seseorang dilanda kemurungan, tekanan dan kekeliruan akibat konflik rumah tangga, dia memerlukan telinga yang sudi mendengar, mata yang tidak menghakimi dan hati yang berbelas kasih.

Dalam keadaan emosinya yang rapuh, dia tidak memerlukan sindiran seperti, “Kalau iman kamu kuat, perkara ini tidak akan berlaku” atau “Mungkin kamu tidak cukup berdoa!”

Bagi seseorang yang sedang mengalami tekanan emosi dan rohani, setiap sindiran boleh menjadi luka baharu. Apabila dia akhirnya mengumpulkan keberanian untuk meminta pertolongan, perkara terakhir yang diperlukannya ialah suara yang menambah beban pada bahunya.

Pendampingan pastoral tidak bermaksud membenarkan setiap keputusan atau mengetepikan ajaran Gereja mengenai kesucian dan ketakterceraian perkahwinan. Kebenaran tetap perlu disampaikan.

Namun, kebenaran Kristian tidak boleh dipisahkan daripada kasih dan belas kasihan. Cara kita menyampaikan kebenaran boleh membawa seseorang lebih dekat kepada Tuhan atau membuatnya berasa semakin tersisih daripada Gereja.

Para paderi dan religius mungkin tidak mempunyai penyelesaian bagi setiap konflik perkahwinan. Namun, kehadiran mereka boleh menjadi tanda bahawa Gereja tidak meninggalkan umatnya ketika kehidupan menjadi kacau.

Pada ketika seseorang merasakan seluruh hidupnya telah terkoyak, telinga yang mendengar, mata yang tidak menghakimi dan hati yang berbelas kasih boleh menjadi permulaan kepada penyembuhan. Melalui pendampingan seperti inilah dia dapat merasakan bahawa meskipun perkahwinannya sedang mengalami krisis, dia tetap dikasihi Tuhan dan masih mempunyai tempat dalam Gereja.

Tuhan tidak berhenti mengasihi seseorang hanya kerana rumah tangganya berakhir dengan perceraian sivil. Dia mengetahui seluruh kisah yang tersembunyi di sebalik perpisahan itu. Gereja tetap menjunjung kesucian dan ketakterceraian perkahwinan, tetapi pada masa yang sama dipanggil untuk mendampingi mereka yang terluka dengan kebenaran dan belas kasihan, tanpa penghakiman yang terburu-buru.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498





Salib Solidariti menuju MPC 2026

KENINGAU: Setelah menjelajah pelbagai paroki dan komuniti, termasuk kawasan yang mencabar dari segi geografi, perjalanan Salib Solidariti (Perjalanan Salib) di Keuskupan Keningau berakhir dengan Misa penutup di Katedral St Francis Xavier, baru-baru ini.

Misa tersebut dipimpin oleh Uskup Keningau, Cornelius Piong, dan dikonselebrasikan oleh Fr Byrwinedren, Fr Joseph Gapitang, Fr Bede Anthonius, Fr Anthony Mikat, Romo Eko serta Romo Novly.

Ziarah Salib Solidariti merupakan sebahagian daripada persiapan rohani menuju Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026), perhimpunan pastoral peringkat kebangsaan yang julung kali dianjurkan oleh Gereja Katolik di Malaysia.

MPC 2026 akan berlangsung pada September 9 hingga 13 di Keuskupan Sibu.

Bertemakan "Meraikan, Menden- gar dan Berjalan Bersama", konvensyen itu bakal menghimpunkan para uskup, paderi, religius dan umat awam dari sembilan keuskupan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk melakukan pene-

gasan bersama mengenai hala tuju pastoral Gereja khususnya dalam empat aspek utama iaitu Gereja, Keluarga, Masyarakat dan Ekologi. Salah satu persiapan MPC 2026 ialah Perjalanan Salib yang menjela- jah kesemua sembilan keuskupan di Malaysia.

Bermula pada April 11, 2025, sembilan Perjalanan Salib dibawa ke semua paroki hinggalah ke kawasan pedalaman.

Di Keuskupan Keningau, Perjalan- an Salib yang dikenali sebagai Salib Solidariti telah menjelajah 10 paroki dan satu mission.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius mengajak umat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk berziarah bersama Salib Solidariti, sebagaimana yang turut dilakukan oleh umat di lapan keuskupan lain di seluruh Malaysia.

Prelatus itu mengingatkan ba- hawa perjalanan bersama salib bukan sekadar suatu acara atau pergerakan simbol dari sebuah tempat ke tempat yang lain. Se- balikinya, perjalanan itu mengajak umat merenungkan kasih Kristus, memperbaharui iman serta mem-

perkukuh semangat untuk berja- lan bersama sebagai satu Gereja.

"Ingatlah, Yesus memikul salib untuk mengungkapkan kasih-Nya kepada Bapa dan juga kepada kita semua," katanya pada akhir ho- mili.

Selepas menamatkan perjalan- nannya ke seluruh Keuskupan Keningau, Salib Solidariti itu akan dibawa ke Sibu sempena Konven- syen Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026) yang berlangsung pada bu- lan September nanti.

Di sana, Salib Solidariti Keusku- pan Keningau akan dihimpu- kan bersama lapan salib dari- pada keuskupan lain di seluruh Malaysia.

Penyatuan tersebut akan men- nandakan berakhirnya perjalanan selama kira-kira 17 bulan meren- tasi paroki, misi dan pelbagai ko- muniti di Semenanjung Malaysia, Sabah serta Sarawak.

Apabila dihimpu- kan di Sibu, sembilan salib itu akan men- jadi lambang kesatuan sembilan keuskupan sebagai satu Gereja Katolik Malaysia yang berjalan bersama dalam Kristus.

Keuskupan Agung KL umum empat calon diakon

KUALA LUMPUR: Empat calon akan menerima Tahbisan Suci Diakon pada September 16, 2026, pukul 10.00 pagi, di Gereja Divine Mercy, Shah Alam, Selangor.

Mereka ialah Bro Lincoln Lee Keng Chuan, Bro Joseph Tan Yee Ping, Bro Tony Bingkuan, OFMCap, dan Bro Albert Arputhan a/I Maniam.

Menurut notis Canseleri Keuskupan Agung Kuala Lumpur (KL) bertarikh Ogos 11, Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, DD, telah mempertimbangkan keempat- empat calon itu untuk menerima Tahbisan Diakon berdasarkan pera- kuan para pembimbing seminari serta hasil perundingan dengan Kolegium Konsultor Keuskupan Agung KL.

Bro Lincoln berasal dari Gereja Assumption, Petaling Jaya, dan kini tinggal di Gereja Sacred Heart, Bentong, Pahang.

Beliau mengikuti pengajian falsafah di College General, Pulau Pinang, dari 2019 hingga 2020 sebelum melanjutkan pengajian teologi di St Peter's College, Kuching, Sarawak, dari 2022 hingga 2026.

Bro Joseph berasal dari Gereja Sacred Heart of Jesus, Jalan Peel, Kuala Lumpur, dan kini tinggal di Gereja Good Shepherd, Setapak.

Beliau mengikuti pengajian falsafah di College General dari 2020 hingga 2021 sebelum meneruskan pengajian teologi di St Peter's College dari 2022 hingga 2026.

Bro Tony pula berasal dari Gereja St Michael, Penampang, Sabah. Beliau kini tinggal dan melayani di Gethsemani Friary, Gereja St Francis of Assisi, Cheras, Selangor.

Beliau mengikuti pengajian falsafah di St Peter's College dari 2010 hingga 2011. Pengajian teologinya diteruskan di Divine Word Seminary, Tagaytay, Filipina, dari 2018 hingga 2019 dan sekali lagi dari 2022 hingga 2023.

Bro Albert berasal dari Gereja St Anne, Port Klang.

Beliau mengikuti pengajian falsafah di College General dari 2017 hingga 2018 dan meneruskan pembentukannya di St Peter's College dari 2020 hingga 2021. Beliau kemudian menamatkan pengajian teologi di National Seminary of Our Lady of Lanka, Kandy, Sri Lanka, dari 2024 hingga 2026.

Notis berhubung kelayakan para calon untuk menerima tahbisan itu dikeluarkan selaras dengan Kanun 1051 §2.

Sesiapa yang mengetahui seba- rang halangan kanonik atau sebab serius yang boleh menjejaskan ke- layakan mana-mana calon untuk ditahbiskan diminta memaklumkan- nya dengan segera kepada paderi paroki, Canseleri atau Uskup Agung, selaras dengan Kanun 1043.

Maklumat juga boleh disam- paikan melalui e-mel kepada chancery@archkl.org.



Kem Kanak-Kanak satukan lima paroki dan komuniti

TANGKAK: Program Kem Kanak-Kanak 2026 bertemakan "Biarlah Anak-Anak Datang kepada-Ku" telah berlangsung dengan jayanya di Gereja Katolik St Matthew baru-baru ini.

Program anjuran BMLCC MJD Vikariat Melaka dan Johor Utara itu disertai oleh 31 kanak-kanak berusia antara 10 hingga 12 tahun.

Antara paroki dan komuniti yang mengambil bahagian ialah Gereja Our Lady of Guadalupe, Rumah Besar Katolik Tok Batin Bong Ajang, Gereja St Andrew Muar, Gereja Corpus Christi Kem Terendak dan Gereja St Philip Segamat.

Program tersebut menghimpun-



kan kanak-kanak daripada pelbagai paroki dan komuniti untuk membi- na persahabatan, memupuk kasih Kristian serta memperkukuh iman sejak usia muda.

Program dimulakan dengan sesi pendaftaran dan sarapan pagi sebelum diteruskan dengan puji- pujian, aktiviti suai kenal serta be- berapa sesi pembentukan rohani.

Sepanjang program berlang- sung, para peserta turut mengam- bil bahagian dalam aktiviti berkum- pulan, perkongsian iman, sesi kreatif dan gotong-royong yang di- jalankan dalam suasana ceria serta penuh semangat kekeluargaan.

Sesi utama dikendalikan oleh Sr Maria Magdalena Kopong, FSIC bersama Sdri Helda. Menerusi penyampaian yang interaktif dan sesuai dengan peringkat usia mere- ka, para peserta diajak mengenali kasih Tuhan, memahami makna pertobatan, belajar menghormati satu sama lain serta menyedari bahawa setiap kanak-kanak amat berharga di sisi Tuhan.

Menerusi sesi tersebut, mereka turut dibimbing untuk memahami bahawa kasih Tuhan sentiasa hadir dalam kehidupan, termasuk ketika mereka berhadapan dengan kele- mahan dan melakukan kesilapan.

Para peserta diingatkan bahawa Tuhan tidak pernah meninggalkan mereka, sebaliknya sentiasa mem- buka ruang untuk mereka kembali kepada-Nya melalui doa dan per- tobatan.

Mereka juga digalakkan agar tidak mudah berputus asa apa- bila melakukan kesalahan, tetapi berani mengakuinya, memohon pengampunan dan berusaha memperbaiki diri. **Aeron Alfeus**